



4 Julai 2023
4 July 2023
P.U. (A) 202

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH (TRIBUNAL KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH) 2023

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY (HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY TRIBUNAL) REGULATIONS 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH
(TRIBUNAL KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH) 2023

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Permohonan kepada Tribunal
4. Pengakuteraan dan penyampaian permohonan
5. Pernyataan pembelaan
6. Pindaan permohonan kepada Tribunal
7. Pindaan pernyataan pembelaan
8. Ikatan dokumen
9. Notis pendengaran
10. Saman untuk hadir
11. Arahan bagi prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh
12. Kehadiran pihak dan saksi melalui teknologi komunikasi jarak jauh
13. Kuasa untuk membatalkan arahan bagi prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh
14. Penyiaran dan rekod prosiding
15. Pendengaran
16. Ketidakhadiran pihak-pihak
17. Penarikan balik permohonan
18. Perintah Tribunal
19. Rujukan kepada Mahkamah Tinggi
20. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi
21. Rekod prosiding
22. Borang

JADUAL

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH
(TRIBUNAL KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 92(2) Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 [*Akta 838*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Suri Rumah (Tribunal Keselamatan Sosial Suri Rumah) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 5 Julai 2023.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Tribunal yang dilantik di bawah subseksyen 65(2) Akta;

“teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain;

“Tribunal” ertinya Tribunal Keselamatan Sosial Suri Rumah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 65(1) Akta.

Permohonan kepada Tribunal

3. (1) Mana-mana orang boleh merujuk apa-apa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang berhubungan dengan perkara yang dinyatakan dalam subseksyen 66(1) Akta kepada Tribunal dalam Borang TSR1 Jadual dan disertakan dengan fi sebanyak dua ringgit.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah difailkan dalam lima salinan di pejabat Pengerusi yang ditubuhkan bagi kawasan yang suri rumah berinsurans itu menetap pada masa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan itu timbul.

Pengakuteraan dan penyampaian permohonan

4. (1) Apabila permohonan di bawah subperaturan 3(1) diterima, Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya—

- (a) satu salinan permohonan itu dikembalikan kepada pemohon dengan pengakuteraan penerimaan;
- (b) suatu notis untuk memfailkan pernyataan pembelaan dibuat dalam Borang TSR2 Jadual; dan
- (c) satu salinan permohonan di bawah perenggan (a) dan notis di bawah perenggan (b) disampaikan sama ada secara sendiri atau, dengan keizinan Pengerusi, melalui apa-apa cara penyampaian ganti, kepada responden.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(c), jika responden ialah Pertubuhan, penyampaian permohonan dan notis untuk memfailkan pernyataan pembelaan kepada Pertubuhan boleh dilaksanakan dengan menghantar permohonan dan notis itu melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada Ketua Pengarah di alamat penyampaian bagi Pertubuhan.

Pernyataan pembelaan

5. (1) Responden yang telah disampaikan dengan sewajarnya suatu notis untuk memfailkan pernyataan pembelaan dalam Borang TSR2 Jadual hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pengerusi, memfailkan pernyataan pembelaan dengan Tribunal dalam Borang TSR3 Jadual.

(2) Apabila pernyataan pembelaan di bawah subperaturan (1) diterima, Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya pernyataan pembelaan itu disampaikan kepada pemohon.

Pindaan permohonan kepada Tribunal

6. (1) Pemohon boleh, pada mana-mana peringkat prosiding, meminda permohonan yang dibuat di bawah peraturan 3 dengan kebenaran Tribunal tertakluk kepada apa-apa terma dan arahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal.

(2) Tribunal tidak boleh memberikan kebenaran untuk meminda permohonan yang dibuat di bawah peraturan 3 bagi maksud memasukkan persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang baharu melainkan jika Tribunal berpuas hati bahawa—

- (a) persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang baharu itu adalah berdasarkan apa-apa perkara fakta atau undang-undang yang diketahui oleh pemohon hanya selepas permohonan itu dibuat;
- (b) persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang baharu itu tidak praktik untuk dimasukkan dalam permohonan itu apabila permohonan itu dibuat; atau
- (c) persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang baharu itu dimasukkan disebabkan oleh hal keadaan yang luar biasa.

(3) Jika kebenaran diberikan di bawah subperaturan (1), pemohon hendaklah memfailkan permohonan terpinda itu dalam lima salinan dengan Tribunal.

(4) Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya satu salinan permohonan terpinda itu dikembalikan kepada pemohon dengan pengakuteraan penerimaan.

(5) Jika permohonan dipinda di bawah subperaturan (1) selepas permohonan itu disampaikan kepada responden di bawah peraturan 4, Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya permohonan terpinda itu disampaikan kepada responden dalam masa empat belas hari dari tarikh permohonan terpinda itu dikembalikan kepada pemohon di bawah subperaturan (4).

(6) Jika permohonan terpinda itu disampaikan kepada responden selepas pernyataan pembelaan disampaikan kepada pemohon di bawah peraturan 5, responden boleh meminda pernyataan pembelaannya dan memfailkan pernyataan pembelaan terpinda itu dengan Tribunal.

(7) Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya pernyataan pembelaan terpinda itu disampaikan kepada pemohon dalam masa empat belas hari dari tarikh pernyataan pembelaan terpinda itu difailkan dengan Tribunal.

Pindaan pernyataan pembelaan

7. (1) Responden boleh, pada mana-mana peringkat prosiding, meminda pernyataan pembelaan yang difailkan di bawah peraturan 5 dengan kebenaran Tribunal tertakluk kepada apa-apa terma dan arahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal.

(2) Tribunal tidak boleh memberikan kebenaran untuk meminda pernyataan pembelaan yang difailkan di bawah peraturan 5 melainkan jika Tribunal berpuas hati bahawa—

(a) pindaan itu adalah berdasarkan apa-apa perkara fakta atau undang-undang yang diketahui oleh responden hanya selepas pernyataan pembelaan itu difailkan;

(b) pindaan itu tidak praktik untuk dimasukkan dalam atau ditinggalkan daripada pernyataan pembelaan itu apabila pernyataan pembelaan itu difailkan; atau

(c) pindaan itu dimasukkan atau ditinggalkan disebabkan oleh hal keadaan yang luar biasa.

(3) Jika kebenaran diberikan di bawah subperaturan (1), responden hendaklah memfailkan pernyataan pembelaan terpinda dalam lima salinan dengan Tribunal.

(4) Jika pernyataan pembelaan dipinda di bawah subperaturan (1) selepas pernyataan pembelaan itu disampaikan kepada pemohon di bawah subperaturan 5(2), Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya pernyataan pembelaan terpinda itu disampaikan kepada pemohon dalam masa empat belas hari dari tarikh pernyataan pembelaan terpinda itu difailkan dengan Tribunal.

Ikatan dokumen

8. Pengerusi boleh mengarahkan pihak-pihak dalam permohonan itu untuk mengemukakan kepada Tribunal ikatan dokumen yang terdiri daripada yang berikut:

- (a) permohonan kepada Tribunal dalam Borang TSR1 Jadual;
- (b) pernyataan pembelaan dalam Borang TSR3 Jadual;
- (c) pernyataan fakta; atau
- (d) dokumen lain yang berkaitan, jika ada.

Notis pendengaran

9. (1) Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya suatu notis pendengaran dikeluarkan kepada pihak-pihak dalam permohonan itu dalam Borang TSR4 Jadual yang menyatakan tarikh, masa dan tempat pendengaran tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum tarikh pendengaran permohonan.

(2) Bagi tujuan subperaturan (1), dalam hal Pengerusi menentukan prosiding dijalankan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh, Pengerusi juga boleh menentukan platform digital dan lokasi bagi pendengaran itu.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), notis pendengaran boleh dikeluarkan kepada pihak-pihak dalam permohonan itu kurang daripada sepuluh hari sebelum tarikh pendengaran permohonan jika tiada bantahan oleh pihak-pihak dalam permohonan.

Saman untuk hadir

10. (1) Tribunal boleh, atas usulnya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam permohonan itu, mengeluarkan saman untuk hadir kepada mana-mana orang sebagai saksi atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau apa-apa benda lain dalam milikannya di hadapan Tribunal.

(2) Saman untuk hadir di bawah subperaturan (1) hendaklah dalam Borang TSR 5 Jadual dan hendaklah disampaikan secara sendiri kepada orang itu.

Arahan bagi prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh

11. (1) Pengerusi boleh mengarahkan bahawa apa-apa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan di bawah Akta didengar atau mana-mana prosiding dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebagaimana yang diluluskan oleh Pengerusi.

(2) Kuasa yang diberikan kepada Pengerusi dalam subperaturan (1) boleh dijalankan atas usulnya sendiri atau atas permohonan yang dibuat oleh mana-mana pihak kepada suatu prosiding mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(3) Jika suatu permohonan dibuat di bawah subperaturan (2), Pengerusi boleh, jika difikirkan sesuai, meluluskan permohonan itu tertakluk kepada syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(4) Selepas meluluskan permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (2), Pengerusi boleh memberikan arahan tentang perjalanan lanjut prosiding itu berhubung dengan persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan itu.

Kehadiran pihak dan saksi melalui teknologi komunikasi jarak jauh

12. (1) Berhubung dengan kehadiran mana-mana pihak atau saksi, dalam mana-mana prosiding atau keterangan yang diberikan secara sendiri, Pengerusi boleh, setelah berpuas hati bahawa semua syarat yang dinyatakan dalam subperaturan (2) dipenuhi, mengarahkan—

- (a) pihak kepada prosiding itu untuk hadir prosiding itu secara teknologi komunikasi jarak jauh; atau
- (b) saksi untuk memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Syarat yang disebut dalam subperaturan (1) adalah seperti yang berikut:

- (a) dalam hal suatu pihak, untuk hadir semasa tempoh yang dinyatakan dan dari suatu tempat yang dinyatakan oleh Pengerusi menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh itu;
- (b) dalam hal seorang saksi, untuk memberikan keterangan semasa tempoh yang dinyatakan dan dari suatu tempat yang dinyatakan oleh Pengerusi menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh; dan
- (c) terdapat kemudahan pentadbiran dan teknikal yang mencukupi dan perkiraan dibuat di tempat yang pihak atau saksi itu akan hadir atau memberikan keterangan.

(3) Kehadiran dan keterangan yang diberikan melalui teknologi komunikasi jarak jauh dalam mana-mana prosiding mengikut arahan Pengerusi di bawah subperaturan (1) boleh dikira sebagai kehadiran dan keterangan yang diberikan secara sendiri dalam prosiding itu dan menjadi sebahagian daripada rekod prosiding bagi Tribunal itu.

Kuasa untuk membatalkan arahan bagi prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh

13. Pengerusi boleh membatalkan, menggantung atau mengubah arahan yang dibuat di bawah peraturan 11 sekiranya—

- (a) teknologi komunikasi jarak jauh itu berhenti berfungsi dan ia akan menyebabkan kelewatan yang tidak munasabah untuk menunggu sehingga sistem berfungsi boleh didapati;
- (b) adalah perlu untuk Pengerusi berbuat demikian untuk mematuhi tanggungjawabnya bagi memastikan bahawa prosiding dijalankan secara adil kepada pihak-pihak dalam prosiding;
- (c) telah berlakunya suatu perubahan material dalam hal keadaan selepas Pengerusi telah membuat sesuatu perintah; atau
- (d) adalah perlu demi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian.

Penyiaran dan rekod prosiding

14. (1) Sekiranya Pengerusi mengarahkan bahawa prosiding hendaklah dijalankan sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh, Pengerusi boleh mengarahkan bahawa—

- (a) prosiding itu hendaklah disiarkan bagi maksud membolehkan orang awam melihat dan mendengar prosiding itu; atau

(b) prosiding itu hendaklah dirakamkan bagi maksud membolehkan Tribunal untuk menyimpan suatu rekod audio-visual prosiding itu.

(2) Arahan di bawah peraturan ini boleh berhubungan dengan keseluruhan atau sebahagian prosiding yang berkenaan.

(3) Jika rayuan telah dibuat kepada Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 73 Akta, salinan rekod audio-visual prosiding yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) boleh diberi kepada pihak dalam prosiding, atas permohonan pihak itu mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi dan disertakan dengan fi sebanyak lima ringgit.

Pendengaran

15. (1) Semasa pendengaran di hadapan Tribunal, pemohon boleh mengemukakan keterangan, memanggil mana-mana saksi, atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau apa-apa benda lain bagi menyokong permohonannya.

(2) Selepas pemohon membentangkan permohonannya, responden hendaklah membentangkan pembelaannya dan boleh mengemukakan keterangan, memanggil mana-mana saksi, atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau apa-apa benda lain bagi menyokong pembelaannya.

(3) Selepas responden membentangkan pembelaannya, suatu hujahan lisan atau bertulis yang ringkas boleh dibuat oleh responden dan selepas itu oleh pemohon.

(4) Tribunal boleh pada bila-bila masa membantu pihak-pihak dalam permohonan itu dalam menjalankan pendengaran.

Ketidakhadiran pihak-pihak

16. (1) Jika pemohon tidak hadir pada tarikh, dan pada masa dan di tempat, yang ditetapkan untuk pendengaran tetapi responden hadir, Tribunal boleh menolak permohonan itu apabila berpuas hati bahawa notis pendengaran telah disampaikan dengan sewajarnya.

(2) Jika responden tidak hadir pada tarikh, dan pada masa dan di tempat, yang ditetapkan untuk pendengaran tetapi pemohon hadir, Tribunal boleh, apabila berpuas hati bahawa notis pendengaran telah disampaikan dengan sewajarnya—

(a) meneruskan pendengaran itu tanpa kehadiran responden; atau

(b) menangguhkan pendengaran itu ke suatu tarikh lain.

(3) Jika kedua-dua pihak dalam permohonan itu tidak hadir pada tarikh, dan pada masa dan di tempat, yang ditetapkan untuk pendengaran, permohonan itu hendaklah ditolak.

Penarikan balik permohonan

17. (1) Pemohon boleh menarik balik permohonan secara lisan atau bertulis pada bila-bila masa sebelum Tribunal membuat apa-apa perintah ke atas permohonan itu.

(2) Tribunal hendaklah memaklumkan responden mengenai penarikan balik permohonan di bawah subperaturan (1).

(3) Penarikan balik permohonan di bawah subperaturan (1) tidak menjejaskan kuasa Tribunal untuk membuat suatu perintah berhubung dengan pembayaran kos yang ditanggung berkenaan dengan permohonan itu sehingga masa penarikan balik permohonan itu.

(4) Jika suatu permohonan ditarik balik, tiada permohonan baharu boleh dibawa oleh pemohon berhubung dengan persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang menjadi perkara bagi permohonan yang ditarik balik sedemikian.

Perintah Tribunal

18. (1) Tribunal hendaklah membuat suatu perintah secara bertulis dan hendaklah disokong dengan alasan bagi perintah itu.

(2) Jika suatu perintah diberikan dalam prosiding yang diadakan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh, fakta itu hendaklah dinyatakan dalam perintah itu.

Rujukan kepada Mahkamah Tinggi

19. Tribunal hendaklah mengemukakan suatu persoalan undang-undang untuk keputusan Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 72 Akta dalam Borang TSR6 Jadual.

Rayuan kepada Mahkamah Tinggi

20. Notis rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap perintah Tribunal di bawah seksyen 73 Akta hendaklah dalam Borang TSR7 Jadual.

Rekod prosiding

21. Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya rekod semua prosiding Tribunal disimpan dengan membuat catatan di dalam fail yang berkenaan.

Borang

22. Pertubuhan hendaklah menyebabkan supaya semua borang yang dinyatakan dalam Jadual disiarkan dalam laman sesawang rasminya.

JADUAL
[Peraturan 3, 4, 5, 8, 9, 10, 19 dan 20]

BORANG

No.	(1) Tajuk Borang	(2) Borang
1.	Permohonan kepada Tribunal	Borang TSR1
2.	Notis untuk Memfailkan Pernyataan Pembelaan	Borang TSR2
3.	Pernyataan Pembelaan	Borang TSR3
4.	Notis Pendengaran	Borang TSR4
5.	Saman untuk Hadir	Borang TSR5
6.	Rujukan kepada Mahkamah Tinggi	Borang TSR6
7.	Notis Rayuan kepada Mahkamah Tinggi	Borang TSR7

Dibuat 9 Jun 2023
[KSM/PUU(S)600-1/1/31/4; PN(PU2)765]

SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU
Menteri Sumber Manusia

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY ACT 2022

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY (HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY TRIBUNAL)
REGULATIONS 2023

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Application to the Tribunal
4. Acknowledgement and service of application
5. Statement of defence
6. Amendment of application to the Tribunal
7. Amendment of statement of defence
8. Bundle of documents
9. Notice of hearing
10. Summons to appear
11. Directions for proceedings through remote communication technology
12. Attendance of party and witness by way of remote communication technology
13. Power to revoke directions for proceedings through remote communication technology
14. Publication and record of proceedings
15. Hearing
16. Non-appearance of parties
17. Withdrawal of application
18. Order of the Tribunal
19. Reference to High Court
20. Appeal to High Court
21. Record of proceedings
22. Form

SCHEDULE

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY ACT 2022

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY (HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY TRIBUNAL)
REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by subsection 92(2) of the Housewives' Social Security Act 2022 [Act 838], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Housewives' Social Security (Housewives' Social Security Tribunal) Regulations 2023**.

(2) These Regulations come into operation on 5 July 2023.

Interpretation

2. In these Regulations—

“Chairman” means the Chairman of the Tribunal appointed under subsection 65(2) of the Act;

“remote communication technology” means a live video link, a live television link or any other electronic means of communication;

“Tribunal” means the Housewives' Social Social Security Tribunal established under subsection 65(1) of the Act.

Application to the Tribunal

3. (1) Any person may refer any question, dispute, claim or appeal relating to the matters specified in subsection 66(1) of the Act to the Tribunal in Form TSR1 of the Schedule and accompanied by a fee of two ringgit.

(2) The application under subregulation (1) shall be filed in five copies at the office of the Chairman established for the area in which the insured housewife resides at the time of the question, dispute, claim or appeal arises.

Acknowledgement and service of application

4. (1) Upon receipt of the application under subregulation 3(1), the Chairman shall cause—

- (a) one copy of the application to be returned to the applicant with an acknowledgement of receipt;
- (b) a notice to file a statement of defence made in Form TSR2 of the Schedule; and
- (c) one copy of the application under paragraph (a) and the notice under paragraph (b) to be served either personally or, with the consent of the Chairman, by any substituted service, on the respondent.

(2) Notwithstanding paragraph (1)(c), where the respondent is the Organization, the service of the application and the notice to file a statement of defence on the Organization may be effected by sending the application and the notice by registered post addressed to the Director General at the address for service of the Organization.

Statement of defence

5. (1) The respondent who has been duly served with a notice to file a statement of defence in Form TSR2 of the Schedule shall, within thirty days from the date of receipt of such notice or any extension of period allowed by the Chairman, file a statement of defence with the Tribunal in Form TSR3 of the Schedule.

(2) Upon receipt of the statement of defence under subregulation (1), the Chairman shall cause the statement of defence to be served on the applicant.

Amendment of application to the Tribunal

6. (1) The applicant may, at any stage of the proceedings, amend the application made under regulation 3 with the leave of the Tribunal subject to such terms and directions as the Tribunal thinks necessary.

(2) The Tribunal shall not grant leave to amend the application made under regulation 3 for the purpose of inserting a new question, dispute, claim or appeal unless the Tribunal is satisfied that—

- (a) the new question, dispute, claim or appeal is based on any matter of fact or law which is known to the applicant only after the application is made;
- (b) the new question, dispute, claim or appeal was not practicable to be inserted in the application when the application was made; or
- (c) the new question, dispute, claim or appeal is inserted due to exceptional circumstances.

(3) Where leave is granted under subregulation (1), the applicant shall file the amended application in five copies with the Tribunal.

(4) The Chairman shall cause one copy of the amended application to be returned to the applicant with an acknowledgement of receipt.

(5) Where an application is amended under subregulation (1) after the application has been served on the respondent under regulation 4, the Chairman shall cause the amended application to be served on the respondent within fourteen days from the date the amended application is returned to the applicant under subregulation (4).

(6) Where the amended application is served on the respondent after the statement of defence has been served on the applicant under regulation 5, the respondent may amend his statement of defence and file the amended statement of defence with the Tribunal.

(7) The Chairman shall cause the amended statement of defence to be served on the applicant within fourteen days from the date the amended statement of defence is filed with the Tribunal.

Amendment of statement of defence

7. (1) The respondent may, at any stage of the proceedings, amend the statement of defence filed under regulation 5 with the leave of the Tribunal subject to such terms and directions as the Tribunal thinks necessary.

(2) The Tribunal shall not grant leave to amend the statement of defence filed under regulation 5 unless the Tribunal is satisfied that—

- (a) the amendment is based on any matter of fact or law which is known to the respondent only after the statement of defence is filed;
- (b) the amendment was not practicable to be inserted in or omitted from the statement of defence when the statement of defence was filed; or
- (c) the amendment is inserted or omitted due to exceptional circumstances.

(3) Where leave is granted under subregulation (1), the respondent shall file the amended statement of defence in five copies with the Tribunal.

(4) Where a statement of defence is amended under subregulation (1) after the statement of defence has been served on the applicant under subregulation 5(2), the Chairman shall cause the amended statement of defence to be served on the applicant within fourteen days from the date the amended statement of defence is filed with the Tribunal.

Bundle of documents

8. The Chairman may direct the parties to the application to provide to the Tribunal a bundle of documents which consists of the following:

- (a) the application to the Tribunal in Form TSR1 of the Schedule;
- (b) the statement of defence in Form TSR3 of the Schedule;
- (c) a statement of the facts; or
- (d) other relevant documents, if any.

Notice of hearing

9. (1) The Chairman shall cause a notice of hearing to be issued to the parties to the application in Form TSR4 Schedule stating the date, time and place of the hearing not less than ten days before the hearing date of the application.

(2) For the purposes of subregulation (1), in the event that the Chairman determines that the proceedings are to be conducted through a remote communication technology, the Chairman may also determine the digital platform and location for the hearing.

(3) Notwithstanding subregulation (1), the notice of hearing may be issued to the parties to the application in less than ten days before the hearing date of the application if there is no objection by the parties to the application.

Summons to appear

10. (1) The Tribunal may, on its own motion or on the request of any party to the application, issue summons to appear to any person as a witness or to produce any document, record or other things in his possession before the Tribunal.

(2) The summons to appear under subregulation (1) shall be in Form TSR5 of the Schedule and shall be served personally on such person.

Directions for proceedings through remote communication technology

11. (1) The Chairman may direct that any question, dispute, claim or appeal under the Act to be heard or any proceedings to be conducted through a remote communication technology as approved by the Chairman.

(2) The power conferred on the Chairman in subregulation (1) may be exercised on its own motion or upon application made by any party to the proceedings in the manner as determined by the Chairman.

(3) Where an application is made under subregulation (2), the Chairman may, if he deems fit, approve the application subject to such conditions as may be determined by the Chairman.

(4) After approving the application made under subregulation (2), the Chairman may give directions as to the further conduct of the proceedings in relation to the question, dispute, claim or appeal.

Attendance of party and witness by way of remote communication technology

12. (1) In relation to the attendance of any party or witness, in any proceedings or the evidence to be given in person, the Chairman may, on being satisfied that all the conditions specified in subregulation (2) are fulfilled, direct—

(a) the party to the proceedings to attend the proceedings by means of remote communication technology; or

(b) the witness to give evidence through remote communication technology.

(2) The conditions referred to in subregulation (1) are as follows:

(a) in the case of a party, to attend during the specified period and from a place specified by the Chairman using the remote communication technology;

(b) in the case of a witness, to give evidence during the specified period and from a place specified by the Chairman using the remote communication technology; and

(c) there are sufficient administrative and technical facilities and arrangements made at the place where the party or witness is to make an appearance or to give evidence.

(3) Appearance and evidence given through remote communication technology in any proceedings in accordance with the Chairman's directions under subregulation (1) are taken to be appearance and evidence given in person in those proceedings and form part of the record of the proceedings of that Tribunal.

Power to revoke directions for proceedings through remote communication technology

13. The Chairman may revoke, suspend or vary the directions made under regulation 11 if—

(a) the remote communication technology stops working and it would cause unreasonable delay to wait until a working system becomes available;

(b) it is necessary for the Chairman to do so to comply with his duty to ensure that the proceedings are conducted fairly to the parties in the proceedings;

- (c) there has been a material change in the circumstances after the Chairman has made an order; or
- (d) it is necessary in the interests of justice to do so.

Publication and record of proceedings

14. (1) If the Chairman directs that proceedings are to be conducted either wholly or partly through a remote communication technology, the Chairman may direct that—

- (a) the proceedings are to be broadcasted for the purpose of enabling members of the public to see and hear the proceedings; or
- (b) the proceedings are to be recorded for the purpose of enabling the Tribunal to keep an audio-visual record of the proceedings.

(2) Directions under this regulation may relate to the whole or to part of the proceedings concerned.

(3) If an appeal has been made to the High Court under section 73 of the Act, a copy of an audio-visual record of the proceedings made under paragraph (1)(b) may be given to the party to the proceedings upon an application by the party in the manner as determined by the Chairman and accompanied by a fee of five ringgit.

Hearing

15. (1) At the hearing before the Tribunal, the applicant may adduce evidence, call any witness, or produce any document, record or other things in support of his application.

(2) After the applicant presented his application, the respondent shall present his defence and may adduce evidence, call any witness, or produce any document, record or other things in support of his defence.

(3) After the respondent presented his defence, a brief oral or written submission may be made by the respondent and thereafter by the applicant.

(4) The Tribunal may at any time assist the parties to the application in conducting the hearing.

Non-appearance of parties

16. (1) Where the applicant does not appear on the date, and at the time and place, fixed for the hearing but the respondent appears, the Tribunal may dismiss the application upon being satisfied that the notice of hearing has been duly served.

(2) Where the respondent does not appear on the date, and at the time and place, fixed for the hearing but the applicant appears, the Tribunal may, upon being satisfied that the notice of hearing has been duly served—

(a) proceed with the hearing in the absence of the respondent; or

(b) adjourn the hearing to another date.

(3) If both parties to the application do not appear on the date, and at the time and place, fixed for the hearing, the application shall be dismissed.

Withdrawal of application

17. (1) An applicant may withdraw the application orally or in writing at any time before the Tribunal makes any order on the application.

(2) The Tribunal shall notify the respondent on the withdrawal of the application under subregulation (1).

(3) The withdrawal of the application under subregulation (1) shall not affect the power of the Tribunal to make an order in relation to the payment of costs incurred in respect of the application until the time of the withdrawal of the application.

(4) Where an application is withdrawn, no fresh application may be brought by the applicant in relation to the question, dispute, claim or appeal which was the subject of the application so withdrawn.

Order of the Tribunal

18. (1) The Tribunal shall make an order in writing and shall be supported by grounds for the order.

(2) Where an order is delivered in the proceedings held through remote communication technology, such facts shall be stated in the order.

Reference to High Court

19. The Tribunal shall submit the question of law for the decision of the High Court under section 72 of the Act in Form TSR6 of the Schedule.

Appeal to High Court

20. The notice of appeal to the High Court against an order of the Tribunal under section 73 of the Act shall be in Form TSR7 of the Schedule.

Records of proceedings

21. The Chairman shall cause to be kept records of all proceedings of the Tribunal by making entries in the respective files.

Form

22. The Organization shall cause to be published all forms specified in the Schedule on its official website.

SCHEDULE
[Regulations 3, 4, 5, 8, 9, 10, 19 and 20]

FORM

No.	(1) Title of Form	(2) Form
1.	Application to the Tribunal	Form TSR1
2.	Notice to File a Statement of Defence	Form TSR2
3.	Statement of Defence	Form TSR3
4.	Notice of Hearing	Form TSR4
5.	Summons to Appear	Form TSR5
6.	Reference to High Court	Form TSR6
7.	Notice of Appeal to High Court	Form TSR7

Made 9 June 2023
[KSM/PUU(S)600-1/1/31/4; PN(PU2)765]

SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU
Minister of Human Resources